

**GARIS PANDUAN / PERATURAN PENGGUNAAN
BILIK ASRAMA LELAKI/PEREMPUAN DAN BILIK
PENGINAPAN TETAMU
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

1. Jika berlaku pertembungan dengan keperluan Jabatan, maka keutamaan akan diberikan kepada Jabatan dengan notis **sebulan** pada setiap tempahan
2. Setiap pemohon yang menggunakan Bilik Asrama dan Bilik Penginapan Tetamu mestilah mandapat kelulusan/kebenaran daripada Imam Besar masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Bayaran yang dikenakan adalah tertakluk kepada kadar bayaran yang diluluskan oleh Perbendaharaan.
4. Tidak dibenarkan membuat bising yang boleh mengganggu ketenteraman orang lain.
5. Tidak dibenarkan **merokok, memasak, makan, dan memasang ubat nyamuk** di dalam bilik.
6. Pengguna dinasihat memastikan pendaftaran barang (inventori) yang terdapat di dalam bilik sama seperti dalam senarai dan pastikan peralatan mencukupi apabila digunakan.
7. Tidak dibenarkan mengubah kedudukan susun atur barang-barang didalam bilik. **(Contoh: Memindahkan meja sisi/merapatkan katil ke dinding)**
8. Pastikan kebersihan bilik dijaga dan semua sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan.
9. Pastikan semua suis elektrik dan paip air ditutup apabila tidak digunakan/sewaktu meninggalkan bilik.
10. Pastikan pengguna mengunci bilik apabila keluar untuk mengelak berlakunya sebarang kecurian.
11. Pengguna dilarang membawa kunci bilik keluar daripada kawasan kawasan Masjid, sebaliknya meninggalkannya di Meja Pengawal Anjung A sahaja.

12. Pengguna dilarang membawa **seterika** atau menggosok baju di atas karpet didalam bilik. Jika berlaku kerosakkan, pihak Masjid berhak **menuntut bayaran ganti rugi terhadap kerosakkan tersebut.**
13. Pengguna juga dilarang **memaku atau menampal dinding** bilik perbuatan ini akan merosakkan stuktur Masjid.
14. Sekiranya Kunci Bilik didapati hilang, pengguna akan didenda sebanyak RM10.00 untuk Bilik Asrama Lelaki dan Perempuan, RM50.00 untuk Bilik Penginapan Tetamu.
15. Pengguna bertanggungjawab di atas sebarang kerosakkan dan kehilangan harta benda yang digunakan, jika terdapat kerosakan atau kehilangan pihak Masjid berhak menuntut ganti rugi.
16. Dilarang melakukan yang bertentang dengan Agama Islam.
17. Dilarang membawa masuk orang luar(tetamu) memasuki asrama tanpa kebenaran Pengurusan Masjid.

Sekiranya Tuan/Puan bersetuju mengikut syarat-syarat seperti di atas, sila tandatangan di ruangan persetujuan di bawah.

Nama Pemohon :

Tandatangan :

K/Pengenalan :

Tarikh :

**GARIS PANDUAN / PERATURAN PENGGUNAAN
DEWAN JAMUAN MUSLIMIN / MUSLIMAT
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

1. Jika berlaku pertembungan dengan keperluan Jabatan, maka keutamaan akan diberikan kepada Jabatan dengan notis **sebulan** pada setiap tempahan
2. Semua penyewa diwajibkan memilih kateter yang disenaraikan dalam **Panel Katerer** yang dilantik oleh pihak Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Semua tempahan boleh dibuat tidak melebihi **3 bulan** sebelum tarikh penggunaan dan memastikan **pengesahan semula tempahan 1 bulan sebelum tarikh majlis**. Segala pembatalan tempahan hendaklah diberitahu segera.
4. Katerer yang dipilih hendaklah dimaklumkan kepada pihak Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
5. Semua tetamu / peserta hendaklah berpakaian sopan dan **menutup aurat**.
6. Pihak penyewa bertanggungjawab **menjaga kebersihan** semasa dan selepas majlis diadakan.
7. Memastikan tiada sebarang kerosakan **Harta Benda** yang digunakan dan jika berlaku kerosakkan, pihak Masjid berhak **menuntut bayaran ganti rugi untuk penggantian semula**.
8. Semua penyewa **tidak dibenarkan membasuh, memasak makanan** di dalam dewan makan dan sekitarnya. Semua **sis-sisa** dan lebihan makanan hendaklah **dibawa balik**.
9. Segala bentuk **muzik atau bunyi-bunyian** yang boleh **mengganggu ketenteraman jemaah** untuk beribadah **tidak dibenarkan**.
10. Semua penyewa tidak dibenarkan **menampal dan memaku di dinding** Bangunan atau lain-lain perbuatan yang boleh merosakkan struktur Masjid.
11. Bayaran sewa hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya **14 hari** sebelum majlis diadakan.
12. Acara yang bercanggah dengan syariat Islam tidak dibenarkan seperti **pelamin** dan **persandingan**

13. Penyajian makanan hendaklah dibuat secara berhidang atau buffet (**dihidang di luar dan makan di dalam dewan**)
14. Semua penyewa tidak dibenarkan membawa sebarang peralatan dari luar, tetapi hendaklah menggunakan peralatan yang sedia ada di dalam Dewan Masjid sahaja.
15. Penggunaan Dewan bagi majlis raptai akan diambil kira caj penggunaannya.
16. Pihak penyewa / pengguna bolehlah berurusan dengan Pegawai Petugas Masjid jika ada sebarang masalah semasa hari majlis tersebut.
17. Peralatan kerusi dan meja adalah **mengikut saiz / muatan dewan** berkenaan.
18. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan penggunaan **PA SYSTEM** sekiranya memerlukan peralatan tersebut. Semua permohonan akan terbatal sekiranya pada masa yang sama peralatan sepertimana permohonan juga diguna pakai untuk program Jabatan. **Peralatan P.A System** yang disediakan untuk satu majlis (1 Rostrum dan 1 mikrofon) sahaja.
19. Peraturan-peraturan ini berkuatkuasa serta merta.
20. Peraturan-peraturan ini adalah tertakluk kepada pengubahsuaian dari masa ke semasa.

PERALATAN-PERALATAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK MASJID.

1. Meja dan kerusi
 2. Penghawa dingin
 3. Punca elektrik
- (**KESEMUANYA DALAM SATU PAKEJ**)
-

Sekiranya Tuan/Puan bersetuju mengikut syarat-syarat seperti di atas, sila tandatangan di ruangan persetujuan di bawah.

Nama Pemohon :

Tandatangan :

K/Pengenalan :

Tarikh :

